

15/09/2003

Hadi enggan jawab cabaran Dr Mahathir

reports on "Muktamar Pas Ke-49 : 2003" by Veena Rusli; Wan Hazmir PRESIDEN Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, menyifatkan tafsiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai negara Islam adalah berbeza dengan konsep yang dihasratkan Pas.

Justeru, beliau berkata, Pas tidak perlu menjawab cabaran Perdana Menteri untuk mengemukakan memorandum negara Islam kerana ia tidak lagi relevan.

"Agensi agama seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) perlu mengkaji perkara ini (konsep negara Islam) dengan jujur dan ikhlas," katanya pada sesi penggulungan perbahasan ucapan dasar Pemangku Presiden pada Muktamar Pas ke-49 di Markas Tarbiah Pas Pusat di Taman Melewar, dekat sini, semalam.

Sebelum ini, Abdul Hadi menolak pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam walaupun pelbagai negara mengiktiraf hakikat itu, termasuk Sheikh Al-Azhar, Dr Sayed Mohamad Tantawi.

Pada sesi perbahasan kelmarin, wakil Dewan Pemuda, Mohamad Nazri Chik, membidas pucuk pimpinan Pas kerana gagal mengemukakan 'blueprint' memorandum negara Islam walaupun perkara itu sudah lama dibincangkan. Abdul Hadi turut mengingatkan pengikut parti itu supaya tidak berkiblatkan media dan menerima kandungan laporannya mengenai konsep penubuhan negara Islam secara membabi buta.

"Kita perlu bersabar menghadapi media. Kita hormati wartawan dan media massa yang bertugas memberi maklumat.

"Apa yang menyedihkan ialah Umno dan Barisan Nasional (BN) mengacau kebebasan kewartawanan. Media di luar negara diberi kebebasan menyiarkan maklumat penting seperti isu pakar senjata di Britain dan rakyat boleh mempersoalkannya.

"Kebebasan sedemikian tiada di sini... kalau kita memerintah nanti, kita akan buat begitu," katanya.

Beliau berkata, kepemimpinan ulama yang menjadi paksi perjuangan parti itu bukan bermakna ulama menonjolkan diri sebagai pemimpin, sebaliknya membabitkan pimpinan kolektif antara ulama dan golongan profesional yang konsisten dengan dasar serta ijtihad isu semasa.

Sementara itu, Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali, menjelaskan 'blueprint' mengenai negara Islam belum boleh diumumkan kerana Pas perlu mengemaskinikannya dengan maklumat yang hanya boleh diperoleh apabila parti itu berkuasa.

Bagaimanapun, katanya, manifesto yang dikeluarkan setiap kali pilihan raya umum adalah penjelmaan 'blueprint' berkenaan.

"Walaupun kita tak kemukakan 'blueprint' lengkap kepada rakyat, kita ada manifesto yang dianggap lengkap sebagai penerangan mengenai konsep negara Islam sebenar," katanya.

Mengenai persoalan mengapa Pas mengemukakan dua manifesto pada setiap kali pilihan raya, beliau berkata, ia sudah lama diamalkan memandangkan perkara yang disentuh membabitkan bidang kuasa Kerajaan Pusat dan negeri.

"Sebagai contoh, kerajaan negeri mempunyai kuasa berkaitan tanah dan air sedangkan Kerajaan Pusat mempunyai kuasa lebih menyeluruh," katanya.

Mengenai strategi pilihan raya, Mustafa berkata, Pas tidak perlu memenangi separuh daripada semua kerusi Parlimen untuk berkuasa, tetapi cukup sekadar menewaskan Umno kerana konsep perkongsian kuasa pemerintahan negara bertunjangan kepada parti Melayu-Islam.

Katanya, Umno yang menjadi teras kerajaan BN hanya memenangi 73 kerusi Parlimen, jauh kurang daripada majoriti mudah daripada keseluruhan 194 kerusi Parlimen pada masa ini.